

MAHATHIR-CERAMAH 1984

KOTA BAHARU, 4 SEPTEMBER (BERNAMA) --- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI KESAL KERANA PAS BUKAN SAHAJA MELANGGAR PERINTAH KERAJAAN DENGAN MENGADAKAN CERAMAH TETAPI JUGA MEMPERMAINKAN KALIMAH ALLAHUAKBAR+ DAN MAJLIS MEMBACA YASSIN UNTUK MENYEKAT POLIS DARI MENJALANKAN TUGAS MEREKA.

PEROANA MENTERI BERKATA PAS TELAH MENGINGKARI LARANGAN MENGADAKAN CERAMAH DENGAN +MENIPU+ SECARA MENJADIKAN CERAMAH JITU SATU MAJLIS BACAAN YASSIN.

+SEKALI LAGI MEREKA MENCUNAKAN AGAMA SEBAGAI SATU BENTENG UNTUK BERBUAT SESUATU YANG EERSALAHAN DENGAN UNDANG-UNDANG,+ TAMBAHNYA KEPADA PARAPEMBERITA SELEPAS MENGADAKAN PERJUMPAAN TERTUTUP DENGAN 600 ORANG PEMIMPIN UMNO KELANTAN DISINI.

MENJAWAB TUDUHAN KONONNYA UMNO TURUT MELANGGAR LARANGAN ITU, DR. MAHATHIR BERKATA UMNO TIDAK MENGHAALKAN +DOUBLE STANDARD+ TETAPI OLEH KERANA PAS MELANGGAR PERATURAN, MAKA UMNO BERPENDAPAT PARTI ITU JUGA TIDAK BOLEH DISEKAT.

+JIKA POLIS TIDAK DAPAT MENAHAN ORANG PAS YANG DATANG BERKUMPUL DAN MENGANCAM MEREKA, MAKA POLIS JUGA TAK PATUT MENAHAN ORANG-ORANG UMNO. +--LAGI

MAHATHIR-CERAMAH 2 KOTA BAHARU ---

MENURUTNYA, PAS SELALU MENJERITKAN KALIMAH +ALLAHUAKBAR+ BUKAN KERANA MENYATAKAN KEBESARAN ALLAH TETAPI CUMA SATU CARA UNTUK MENIMBULKAN KEKACAUAN DALAM CERAMAH-CERAMAH ANJURAN MEREKA.

+MEREKA MENJERIT +ALLAHUAKBAR+ SEBAGAI BUNYI-BUNYIAN DAN SECARA JINAK-JINAK UNTUK MENIMBULKAN KEKACAUAN DALAM HAJLIS CERAMAH DAN MENGGUNAKANNYA UNTUK MENYEKAT POLIS DARIPADA MENJALANKAN TUGAS.+

INI JELAS MENUNJUKKAN NIAT BURUK MEREKA MEMPERALATKAN AGAMA UNTUK KEPENTINGAN MEREKA, TAMBAHNYA. --BERNAMA